

DAP mahu kerajaan hukum sekolah 'kantin dalam bilik mandi'
Malaysian Insider
July 25 , 2013

Lim Guan Eng (gambar) menggesa kerajaan menghukum pentadbiran Sekolah Kebangsaan Seri Pristana di Sungai Buloh terlebih dahulu sebelum kes itu ditutup.

Setiausaha Agung DAP itu juga mahu Timbalan Menteri Pendidikan II, P Kamalanathan memberi penjelasan lanjut kepada orang ramai mengenai bagaimana perkara itu boleh berlaku.

"Menyelesaikan masalah satu perkara tetapi mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab juga sama pentingnya bagi memastikan insiden sedemikian tidak berulang lagi,"

"Umum perlu mengetahui bagaimana insiden sedemikian boleh berlaku kerana sangat memalukan bagi kanak-kanak untuk terpaksa makan di bilik mandi yang dijadikan kantin sementara," katanya pada kenyataan hari ini.

DAP turut kecewa dengan cara tergesa-gesa Kamalanathan menutup kes berkenaan dan mahu Ahli Parlimen Hulu Selangor itu membuktikan insiden itu tiada kena mengena dengan kaum dan agama.

"Sifat tergesa-gesa menyelesaikan kes kontroversi itu akan dilihat sebagai menutup kebenaran, kecuali Kamalanathan jelaskan kenapa ibu bapa tidak dimaklumkan bahawa kantin akan dipindah ke bilik mandi atas sebab kerja baik pulih," katanya.

Lim juga sedih dengan gambar polis dengan senjata berat berkawal di luar sekolah itu bagi menghalang ibu bapa dan rakan-rakan mereka yang berang apabila mengetahui isu kantin dalam bilik mandi.

"Adakah sekolah di Malaysia ke tahap ini? Anggota polis bersenjata diperlukan untuk berkawal di luar sekolah. Bukan untuk melindungi dari penjenayah tetapi dari ibu bapa yang marah menuntut jawapan dan keadilan?" katanya.

Sekolah SK Seri Pristana heboh di media selepas laporan keluar murid bukan Muslim diarah makan di bilik mandi semasa waktu rehat pada bulan Ramadan.

Gambar menunjukkan murid sedang makan di bilik mandi tersebar luas di laman sosial Facebook. – 25 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-mahu-kerajaan-hukum-sekolah-kantin-dalam-bilik-mandi>

